



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

PENGESAHAN RUKUN HIBAH
BAGI PROSES PENYEDIAAN DOKUMEN HIBAH SECARA ATAS TALIAN (*e-HIBAH*)

Setelah mendengar taklimat yang disampaikan oleh En. Asif Zamri bin Zainol, Pengarah Overview Sdn. Bhd. mengenai Proses Penyediaan Dokumen Hibah Secara Atas Talian (*e-Hibah*), Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah bersetuju memberi pandangan bahawa;

1. Dalam proses membangunkan *e-Hibah*, perkara yang penting adalah pematuhan rukun Hibah iaitu;

1.1 Pemberi Hibah (الواهب);

- i. Hendaklah seorang yang *mukallaf*, tidak muflis dan seorang yang boleh menguruskan harta (رشيد).
- ii. Menurut pandangan Syarak, pengertian *mukallaf* iaitu seseorang yang mencukupi had umur minimum baligh genap 15 tahun dan ke atas bagi lelaki sementara bagi perempuan mencukupi had minimum baligh genap umur 9 tahun (jika datang haid) dan jika tidak didatangi haid sehingga umur 15 tahun maka dia sudah dikira baligh mengikut perkiraan Taqwim Qamariyah.
- iii. Bagaimanapun, bagi pemberi hibah yang *mukallaf* tetapi belum genap umur 18 tahun maka mereka hendaklah tertakluk kepada undang-undang yang berkuatkuasa (Akta Umur Dewasa 1971 [Akta 21]).

- 1.2 Penerima Hibah (الموهوب له);
 - i. Sesiapa sahaja yang berkelayakan untuk memiliki harta.
 - ii. Sekiranya penerima hibah belum *mukallaf*, maka hendaklah dilantik wali / pemegang amanah yang boleh menerima bagi pihak dirinya.
- 1.3 Barang yang hendak dihibah (الموهوب);
 - i. Barang atau harta untuk dihibah hendaklah halal, suci, bernilai, milik sempurna pemberi hibah, boleh diserahkan milik dan wujud pada masa hibah.
- 1.4 Aqad (العقد);
 - i. Hendaklah mengandungi gabungan dan persamaan antara ijab dan qabul.
 - ii. Dalam konteks semasa, dinasihatkan penerimaan hibah didokumenkan mengikut peruntukan undang-undang bagi mengelak sebarang penyelewengan pada masa akan datang.
2. Dalam hal ini, Jawatankuasa Fatwa hanya memberi pandangan dari aspek hukum Syarak berkaitan kesempurnaan rukun hibah sahaja. Sementara langkah-langkah yang diperlukan dalam proses penyediaan dokumen hibah secara atas talian lebih bersifat teknikal supaya pelaksanaannya lebih sistematik.
3. Selain itu, Jawatankuasa turut menasihatkan supaya sebarang caj yang dikenakan kepada pelanggan adalah berpatutan dan tidak membebankan.

TARIKH KEPUTUSAN : 12 OGOS 2021